

**KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN**

Kementerian/Jabatan:
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
Graha Makmur, No. 1,
Jalan Tun Abdul Razak-Ayer Keroh,
Hang Tuah Jaya,
75450 Melaka.

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

BIL	KETERANGAN ASET	UNIT	KUANTITI	HARGA SIMPANAN	DEPOSIT SEBUTHARGA
1	ALAT KELENGKAPAN ICT (MONITOR)	NOS	36	RM180.00	5% dari harga tawaran tertakluk kepada maksima RM5,000.00 (Disertakan bersama tawaran sebutharga)
2	ALAT KELENGKAPAN ICT (PRINTER)	NOS	61	RM610.00	
3	ALAT KELENGKAPAN ICT (CPU)	NOS	28	RM140.00	
4	ALAT KELENGKAPAN ICT (LAIN-LAIN)	NOS	5	RM25.00	
5	ALAT KELENGKAPAN ICT (KOMPUTER RIBA)	NOS	12	RM60.00	
6	ALAT KELENGKAPAN ICT (LCD)	NOS	2	RM10.00	

2. Aset boleh dilihat pada **11 Disember 2025 (Khamis)** diantara jam **9.00 pagi** hingga **11.00 pagi, pada hari berkerja** di Jabatan Infrastruktur Komuniti dan Logistik, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Batu Berendam Melaka.
3. Dokumen sebut harga boleh didapati di **Kaunter Utama Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak - Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka** dengan membuat bayaran sebanyak **RM10.00** (tidak termasuk GST / Cukai Barang dan Perkhidmatan serta tidak dikembalikan) menggunakan wang pos / kiriman wang / deraf bank atas nama Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah untuk satu set Dokumen Sebutharga mulai **jam 2.00 petang, 11 Disember 2025 (Khamis) sehingga jam 12.00 tengahari, 18 Disember 2025 (Khamis)** .
4. Tawaran sebutharga hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Sebutharga Pelupusan Aset Kerajaan (KEW.PA 25) yang boleh diperolehi di alamat seperti di **Kaunter Utama Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak - Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka**. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
5. Dokumen sebutharga yang telah lengkap hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat bermeteri dan dihantar secara serahan tangan serta dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di pejabat **MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH (Lobi Jabatan Kewangan)**. Jika sebutharga dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebutharga selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari. Sebarang kelewatan dalam urusan tidak akan dilayan.
6. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda No. Sebutharga seperti yang dinyatakan diatas dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-

**Kaunter Utama Jabatan Kewangan,
Aras Bawah, Graha Makmur,
No. 1, Jalan Tun Abdul Razak - Ayer Keroh,
Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.**
7. Tarikh tutup Sebutharga pada **18 Disember 2025, jam 12.00 tengahari**. Sebutharga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

Dengan kebenaran,
DATUK BANDAR
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
sk : Datuk Bandar
Setiausaha Bandaraya
PTM
Ketua Audit Dalam